

Program Anak Angkat dan Promosi Kesihatan 2018

UB 31.8.2018 B2

PITAS: Seramai 14 orang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam bidang Perubatan dan Kejururawatan telah berkampung selama 10 hari di Kampung Kalumpang, di sini bagi menjalankan promosi kesihatan yang melibatkan pemeriksaan dan taklimat berkaitan kesihatan kepada penduduk kampung.

Di atas keperihatinan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kg. Kalumpang, mereka telah mengambil inisiatif untuk mengagihkan pelajar-pelajar tersebut kepada tujuh buah keluarga angkat dalam kalangan ahli Rukun Tetangga Kg. Kalumpang, Pitas

Menurut Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Kg. Kalumpang Dzulfikri Mohd Hairi, mereka telah membawa pelajar tersebut untuk mengenali budaya dan adat resam masyarakat yang ada di kampung ini yang secara langsung memberi pendedahan kepada mereka yang mungkin tidak didapati di tempat tinggal atau kampung mereka.

Sementara itu, Penyelaras Program yang juga merupakan

► Anjuran KRT Kg. Kalumpang dengan kerjasama Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan UMS



BERGAMBAR kenangan bersama pelajar yang terlibat.

penyarah Fakulti Perubatan dan Alam Sekitar UMS, Dr. Maryll Grace Lansing dalam ucapannya begitu teruja sekali di atas sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat di Kg. Kalumpang. Beliau berterima kasih kepada pihak KRT yang telah membantu sepenuhnya sepanjang program promosi kesihatan tersebut

dijalankan.

Dalam ucapan perasmian Pegawai Perpaduan Daerah Kota Marudu / Pitas, Nasiruddin Ahmad berkata beliau memuji usaha yang dijalankan oleh Kawasan Rukun Tetangga Kg. Kalumpang membantu menjayakan program Promosi Kesihatan dan mengharapkan program tersebut akan dapat

menguatkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung dengan pelajar yang terlibat.

Beliau juga turut mengalu-ngalukan sebarang bentuk kerjasama daripada pihak UMS khususnya Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan sekiranya terdapat program pada masa akan datang

Antara acara yang telah




SESI bertukar-tukar hadiah salah satu keluarga angkat.

dilaksanakan sepanjang program tersebut berlangsung ialah sukaneka, pemeriksaan kesihatan, gotong-royong, ceramah kesihatan, kunjungan

ke majlis-majlis kenduri dan kahwin masyarakat kampung.

Turut hadir ke majlis penutupan tersebut ialah

Penolong Pegawai Perpaduan Daerah Alvin Roy Ibrahim, pemimpin-pemimpin masyarakat dan penduduk Kg. Kalumpang.



JPNIN
www.jpnin.gov.my

JEJAK PERPADUAN